

05 JUN 2001

Umno-Baling

EMPAT BELAS AJK UMNO BALING TAK HADIR MESYUARAT

ALOR SETAR, 5 Jun (Bernama) -- Sebanyak 14 anggota jawatankuasa Umno bahagian Baling tidak hadir pada mesyuarat pertamanya malam tadi kerana seorang daripada mereka mendakwa pelantikan Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman sebagai Ketua Bahagian melanggar perlembagaan parti.

Yang tidak hadir pada mesyuarat yang dipengerusikan oleh Raja Ariffin itu termasuk Timbalan Ketua Ismail Bakar, Naib Ketua Halim Harun dan Naib Ketua Pemuda Harun Abdul Aziz manakala antara 10 yang hadir ialah Ketua Wanita Safiah Abdul Rahman.

"Mesyuarat malam tadi hanya dikendalikan sebagai satu mesyuarat khas Umno bahagian tanpa mencatatkan sebarang keputusan," kata seorang anggota jawatankuasa bahagian yang enggan namanya disiarkan.

Justeru itu, katanya, mesyuarat yang berakhir awal pagi tadi, tidak melantik setiausaha bahagian, bendahari dan ketua penerangan.

Wan Mahmud Wan Ibrahim, seorang anggota jawatankuasa yang tidak hadir dalam mesyuarat itu, berkata beliau dan yang lain tidak hadir ke mesyuarat itu kerana masih berpendapat Raja Ariffin tidak layak menjadi Ketua Bahagian berdasarkan perlembagaan Umno.

"Kami terima surat untuk hadir ke mesyuarat itu pada 2 Mei lepas, yang ditandatangani oleh Raja Ariffin sendiri," katanya ketika dihubungi hari ini.

Wan Mahmud yang mendakwa menjadi jurucakap kepada anggota jawatankuasa yang tidak hadir itu, berkata mereka masih tidak puas hati dengan penjelasan setakat ini berhubung pelantikan Raja Ariffin oleh Majlis Tertinggi bagi menggantikan Datuk Zainol Md Isa.

Zainol, yang menewaskan Raja Ariffin pada pemilihan bahagian itu April lepas, dilucutkan jawatan setelah didapati bersalah oleh Lembaga Disiplin Umno kerana terlibat dalam politik wang menjelang pemilihan itu.

Ekoran tindakan melucutkan jawatan Zainol itu, 114 ketua Umno cawangan di Bahagian Baling menghantar surat bantahan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno dan kepada Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri.

Mereka merujuk Fasal 15.7 perlembagaan Umno bahawa jawatan Ketua Bahagian hendaklah dipangku oleh timbalan atau naib ketua sekiranya ketua tidak dapat menjalankan tugas akibat dipecat, uzur atau meninggal dunia.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Baling, Harun Abdul Aziz menafikan beliau memulau mesyuarat itu dengan memberi alasan bahawa beliau mempunyai masalah keluarga.

Raja Ariffin pula gagal dihubungi untuk mendapatkan penjelasannya.

Syed Razak pula berkata Badan Perhubungan Umno Negeri Kedah tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap anggota jawatankuasa Umno Bahagian Baling yang tidak hadir dalam mesyuarat itu.

Umno negeri, katanya, akan cuba menyelesaikan masalah berkenaan dengan memberi penerangan kepada anggota Umno bahagian terbabit berhubung kontroversi itu.

"Saya yakin masalah ini akan dapat diselesaikan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program kelas bimbingan peningkatan prestasi akademik pelajar di sini hari ini.

Syed Razak berkata masalah itu tidak perlu diperbesarkan dan Umno negeri akan meminta Zainol memberi kerjasama untuk menyelesaikannya.

"Masalah yang timbul ialah perasaan kecil hati berikutan pelucutan jawatan Zainol. Perasaan tidak puas hati ini adalah perkara biasa dan ia

bersifat sementara," katanya.

-- BERNAMA

MNH MAN MAI